

PANDANGAN GURU PELATIH TERHADAP BUKU TEKS BAHASA MELAYU KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH

Tay Meng Guat
Jabatan Pengajian Melayu

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mendapat maklum balas guru pelatih tentang kualiti buku teks Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Sebanyak 34 item yang dikategorikan ke dalam 4 aspek utama dikemukakan untuk menilai kualiti buku teks tersebut. Kaedah tinjauan yang menggunakan set soal selidik ini melibatkan sebanyak 41 orang guru pelatih. Data dikutip dan dianalisis secara statistik deskriptif dan statistik inferensi. Data kemudiannya dibentangkan secara deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min. Skor min keseluruhan ialah 3.94. Skor min bagi aspek kandungan ialah 4.04 manakala bagi aspek aktiviti dan latihan ialah 3.89, aspek persembahan ialah 3.87 dan aspek bahan grafik ialah 3.97. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu Bahagian Buku Teks dan panel penulis untuk menghasilkan buku teks yang lebih berkualiti untuk manfaat semua pihak.

Kata kunci: *buku teks Bahasa Melayu KBSR, kandungan, aktiviti dan latihan, persembahan, bahan grafik*

ABSTRACT

This study aimed to get feedback from the teacher trainees concerning the quality of the KBSR Malay text books. Data for the study was collected from 41 trainees, using questionnaires consisting of 34 items that were categorized into 4 main aspects. Descriptive statistics such as frequency, percentages and means were used to analyze the data. Mean scores for the aspects of content, exercises and activities, presentation and graphics of the text books were 4.04, 3.89, 3.87 and 3.97 respectively with an overall mean score of 3.94. It is hoped that the findings of the study can help the Text Books Department and the panel of writers in preparing better quality text books for the benefits of all parties.

Key words: *KBSR Malay text books, content, activities and exercises, presentation, graphics*

PENDAHULUAN

Buku teks adalah antara bahan pengajaran dan pembelajaran yang paling penting dan sering digunakan sebagai sumber pemerolehan ilmu pengetahuan sejak sistem pendidikan formal dilaksanakan di sekolah. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, buku teks ialah buku yang digunakan sebagai bahan asas yang utama dan sumber maklumat mengenai mata pelajaran atau bidang dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) di sekolah. Buku teks juga mencerminkan nilai masyarakat, harapan dan cita-cita sesebuah negara. Di Malaysia buku teks memuatkan perkara seperti Perpaduan Masyarakat, Rukun Negara, Masyarakat Penyayang dan Wawasan 2020. Pandangan ini selari dengan pandangan Altbach (1987), *"Textbooks are in a way, an illustration of national will and of national policy in many countries"* (dipetik dari Buku Teks, 2010).

Pendek kata, pada peringkat yang lebih luas, buku teks dapat menjadi alat atau wadah penyampaian hasrat kerajaan. Sejarah perkembangan pendidikan negara kita telah membuktikan bahawa perubahan falsafah atau dasar negara sentiasa diikuti dengan penggubalan kurikulum dan sukatan pelajaran yang baru dan seterusnya penyediaan buku teks yang baru. Umpamanya dari Kurikulum Lama ke Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah/Menengah (KBSR/KBSM), Kurikulum Sekolah Bestari dan Kurikulum Semakan Semula dan yang terkini ialah Kurikulum Standard Kebangsaan.

Di Malaysia, penulisan serta kandungan buku teks adalah berdasarkan kehendak kurikulum, Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP). SP menjelaskan objektif, organisasi kandungan serta strategi pengajaran dan pembelajaran. HSP pula menjelaskan objektif dan organisasi kandungan mengikut tahun persekolahan. Penulisan buku teks juga dikehendaki menepati keperluan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan matlamat pendidikan demi memastikan perkembangan potensi pelajar secara menyeluruh, seimbang dan sepadu. Kandungan buku teks dipersembahkan dalam bentuk unit. Pada umumnya buku teks KBSR menekankan pemerolehan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan pemupukan nilai murni serta sikap dalam kalangan murid sekolah rendah.

Bertitik tolak dari senario ini maka Bahagian Buku Teks (BBT) telah menyimpulkan beberapa peranan buku teks dan ciri buku teks yang berkualiti (Bahagian Buku Teks, Jabatan Sekolah, 2008).

Antara peranan buku teks adalah untuk:

- (i) menyampaikan maklumat mata pelajaran,
- (ii) menentukan dan menjelaskan kandungan buku teks berdasarkan keperluan Sukatan Pelajaran dari aspek skop, urutan dan objektif,
- (iii) memilih bahan kandungan mata pelajaran bagi mencerminkan nilai, harapan dan cita-cita negara,
- (iv) memberi pengalaman sosialisasi yang sama bagi mengintegrasikan masyarakat,
- (v) menyediakan bahan fizikal kepada masyarakat untuk kenal kurikulum, sekolah dan bilik darjah,
- (vi) memastikan keseragaman pelaksanaan kurikulum.

PERNYATAAN MASALAH

Buku teks merupakan antara bahan dan sumber pengajaran dan pembelajaran yang amat penting dalam kelas. Menurut takrifan UNESCO, buku teks merupakan *“a book which is an exposition of generally accepted principles in one subject, intended primarily as a basis for instruction in classroom or pupil-book-teacher situation”* (dipetik dari Abdul Rahman Mahamad, 2001, hlm. 2) Memandangkan peri mustahaknya peranan yang dimainkan oleh buku teks maka adalah menjadi tanggungjawab pihak yang berkenaan untuk memastikan bahawa buku teks yang dihasilkan itu berkualiti tinggi dan mampu memenuhi aspirasi pendidikan negara.

TINJAUAN LITERATUR

Buku teks memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Menurut arahan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pekeliling Ikhtisas Bil. 12/1999, guru dan pelajar diwajibkan menggunakan buku teks sebagai sumber utama di dalam kelas. Keadaan ini ditambah lagi dengan adanya kajian yang menunjukkan bahawa adanya kesan positif antara penggunaan buku teks dengan pencapaian akademik pelajar. Pada persepsi guru pula, kajian Norazuwan Yaakob (1997) mendapati 70.6% guru mengakui tentang kepentingan buku teks sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran (dipetik daripada Marohaini Yusoff, Abd Murad Salleh & Shahrir Jamaluddin, 2005)

Namun begitu, penggunaan buku teks dalam kalangan guru dekad ini didapati semakin merosot. Kajian Norihan Rahmat (2003) (dipetik daripada Marohaini Yusoff, Abd Murad sallah dan Shahrir Jamaluddin, 2005) mendapati hanya 41.1% guru yang selalu menggunakan buku teks. Beberapa kajian telah menunjukkan wujudnya kekurangan dalam buku teks, misalnya kajian Jamilah Ahmad (1991) mendapati kandungan buku teks BM tingkatan satu tidak memenuhi keperluan pelajar berpencapaian tinggi. Cheok Teng Se (1994) pula mendapati aspek latihan yang disediakan dalam buku teks Sains hanya berada di tahap sederhana sahaja. Begitu itu kajian Khalid Paiman (1998) mendapati aspek latihan dalam buku teks adalah kurang berkesan dan telah menyebabkan guru lebih kerap menggunakan latihan dalam buku kerja manakala kajian Ahmad Jusoh (1998) mendapati buku teks Pendidikan Islam KBSM lebih mementingkan isi pelajaran berbanding dengan latihan dan ilustrasi. (dipetik daripada Marohaini Yusoff, Abd Murad Salleh dan Shahrir Jamaluddin, 2005).

Menurut BBT (Bahagian Buku Teks, Jabatan Sekolah, 2008), antara ciri buku yang berkualiti adalah buku teks yang:

- (i) menyalurkan maklumat tentang pengetahuan, konsep, idea, fakta dan prinsip untuk murid,
- (ii) menyediakan bahan untuk murid menguasai kemahiran,
- (iii) menerapkan nilai murni dan sikap yang perlu dipupuk, dihayati dan akhirnya diamalkan oleh murid,
- (iv) mempersembahkan kandungan secara jelas, sistematik dan logik,
- (v) mempunyai elemen pentaksiran seperti aktiviti dan soalan latihan,
- (vi) menggunakan bahan grafik yang menarik, relevan serta berfungsi untuk menyokong teks.

Para pengkaji seperti Hasan Ansary & Esmet Babaii, 2002; Jeanne Moulton, 1994; Saedah Siraj, 1990; dan Tsai Yu-Hsin, 2000 (dipetik daripada Marohaini Yusoff, Abd Murad Salleh & Shahrir Jamaluddin, 2005) pernah menegaskan tentang pentingnya penilaian terhadap mutu atau kualiti buku teks sebagai salah satu aspek dalam kajian-kajian buku teks. Mereka

berpendapat aspek kualiti buku teks yang meliputi penggunaan bahasa, ilustrasi, reka bentuk dan soalan dalam latihan sangat penting dalam mempengaruhi guru dan pelajar menggunakan sesebuah buku teks. Oleh yang demikian penilaian terhadap aspek mutu dan kualiti adalah berkait rapat dengan kajian tentang penggunaan buku teks.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memperoleh maklum balas atau pandangan guru pelatih tentang kualiti buku teks Bahasa Melayu KBSR berkaitan dengan aspek kandungan, aktiviti dan latihan, persembahan dan bahan grafik buku teks berkenaan. Melalui kajian ini diharapkan hasil dapatannya akan dapat memberi gambaran dan maklumat bermanfaat kepada pihak-pihak yang terlibat dalam usaha penghasilan buku teks yang lebih berkualiti.

PENILAIAN BUKU TEKS

Sebelum sesebuah buku teks dipilih untuk digunakan di sekolah, pihak Unit Penyelidikan dan Pembangunan Bahagian Buku Teks, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan melakukan penilaian buku teks untuk memastikan buku teks yang dibekalkan sesuai dan menepati kehendak kurikulum, kaedah pengajaran guru dan kaedah pembelajaran murid-murid. Penilaian buku teks di peringkat ini adalah sebagai proses menyemak, meneliti, meletak nilai atau memperaku mutu kandungan buku teks tersebut. Terdapat dua kategori penilaian buku teks iaitu penilaian berbentuk formatif dan sumatif.

Penilaian berbentuk formatif merujuk kepada kegiatan mengumpul dan menggunakan data untuk menambah baik keberkesanan kandungan buku semasa dalam peringkat pembinaan. Proses penilaian formatif adalah untuk mendapat pengesahan daripada pakar, guru dan pelajar tentang kandungan manuskrip buku teks yang akan diteruskan prosesnya ke peringkat percetakan.

Penilaian sumatif pula ialah penilaian selepas sesebuah buku teks itu digunakan selama sekurang-kurangnya setahun oleh guru dan murid-murid di sekolah. Proses penilaian ini merujuk kepada proses pengujian dan pengumpulan maklumat tentang keberkesanan buku teks berkenaan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Penilaian sumatif akan melaporkan tentang kekuatan, kekurangan atau kelemahan sesebuah buku teks itu berdasarkan kriteria yang ditetapkan (Ruhaya Hassan, 2001).

Salah satu penilaian program BBT yang telah dilakukan pada tahun 2005 ialah kajian tentang kesesuaian dan kecekapan aktiviti pengurusan buku

teks ke arah meningkatkan prestasi aktiviti BBT (Bahagian Buku Teks, Jabatan Sekolah, 2008). Antara objektif penilaian program ini adalah untuk menilai penghasilan buku teks yang berkualiti dengan harga yang berpatutan dan menilai penggunaan pakej buku teks dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Empat aspek yang menjadi tumpuan utama kajian tersebut ialah aspek kesesuaian, aspek keberkesanan, aspek kecekapan dan aspek ekonomi. Pakej buku teks didapati sesuai digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Kekekapan penggunaan buku teks dan buku latihan serta aktiviti adalah tinggi tetapi penggunaan CD-ROM adalah rendah. Guru, murid, ibu bapa dan pegawai KPM berpendapat bahawa buku teks membantu murid dalam persediaan menghadapi peperiksaan. Mereka juga berpendapat bahawa buku teks digunakan untuk memahami pengajaran guru, membuat kerja rumah dan sebagai sumber rujukan utama untuk peperiksaan. Dapatan kajian aspek kecekapan menunjukkan pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks di sekolah adalah cekap. Dari segi harga buku teks pada keseluruhannya responden bersetuju bahawa harga buku teks di pasaran adalah berpatutan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang berbentuk tinjauan ini dijalankan secara kuantitatif. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan data. Kajian ini melibatkan sebanyak 41 orang guru pelatih Kursus Perguruan Lulusan Ijazah (KPLI) Ambilan Januari 2008 di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Sebanyak 20 orang (48.8%) yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada guru pelatih pengkhususan Pengajian Melayu, sementara 21 orang lagi (51.2%) merupakan guru pelatih daripada pengkhususan Kajian Sosial dengan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran elektifnya. Mereka telah menjalani praktikum selama 12 minggu mulai 26 Jun hingga 29 September 2008 di sekolah rendah.

Instrumen yang digunakan untuk kajian ini ialah set soal selidik yang terdiri daripada empat komponen utama. Setiap komponen mempunyai 7-10 item. Item-item setiap komponen dibina dan diubah suai daripada sumber Bahagian Buku Teks, KPM oleh pengkaji sendiri. Setiap item diberi lima skala Likert, iaitu:

- 5 sangat setuju
- 4 setuju
- 3 kurang setuju
- 2 tidak setuju
- 1 sangat tidak setuju

Data yang dikumpul dan dianalisis secara statistik deskriptif dan statistik inferensi dengan menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Dapatan analisis dipersembahkan dengan

menggunakan jadual kekerapan, peratusan dan min untuk melihat pandangan guru pelatih terhadap kualiti buku teks Bahasa Melayu KBSR.

ANALISIS PENEMUAN

Pandangan guru pelatih terhadap kandungan buku teks BM KBSR

Pada umumnya guru pelatih berpandangan positif terhadap kandungan buku teks BM KBSR. Min skor untuk komponen ini ialah 4.04. Tiada respons yang tidak setuju atau sangat tidak setuju dalam penilaian aspek kandungan buku teks ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru pelatih bersetuju dengan kenyataan bahawa isi kandungan buku teks memenuhi kehendak FPK ($M = 4.15$) dan perkembangan kemahiran bahasa ditekankan ($M = 4.15$). Buku teks juga dapat mendedahkan murid-murid kepada penggunaan bahasa yang tepat ($M = 4.20$) di samping mengandungi aspek pengetahuan yang hendak dikuasai murid-murid ($M = 4.20$). Selain itu, buku teks juga dikatakan memenuhi kehendak kurikulum yang menekankan penerapan nilai dalam pengajaran. Sembilan puluh peratus guru pelatih bersetuju bahawa perkembangan nilai ditekankan dalam buku teks dengan skor minnya 4.24. Jadual 1 menunjukkan bilangan respons bagi setiap item. Peratusan respons bagi setiap item adalah dalam kurungan.

Jadual 1

Pandangan guru pelatih terhadap kandungan buku teks BM KBSR (N = 41)

Penilaian kandungan buku teks BM KBSR	Sangat setuju	Setuju	Kurang setuju	Skor Min (M)
Kandungan buku teks sesuai dengan perkembangan semasa	4 (9.8)	29 (7.07)	8 (19.5)	3.90
Fakta tepat dan terkini	2 (4.9)	25 (61)	14 (34.1)	3.71
Isi kandungan memenuhi kehendak FPK	6 (14.6)	35 (85.4)	-	4.15
Pemilihan bahan sesuai dengan kumpulan sasaran	6 (14.6)	23 (56.1)	12 (29.3)	3.85
Perkembangan kemahiran bahasa ditekankan	6 (14.6)	35 (85.4)	-	4.15
Mendedahkan murid-murid kepada penggunaan bahasa yang tepat	10 (24.4)	29 (70.7)	2 (4.9)	4.20
Mengandungi aspek pengetahuan yang hendak dikuasai murid-murid	10 (24.4)	29 (70.7)	2 (4.9)	4.20
Perkembangan nilai ditekankan	14 (34.1)	23 (56.1)	4 (9.8)	4.24

Pemilihan bahan mengandung unsur-unsur keseronokan yang menggalakkan pembacaan	2 (4.9)	33 (80.5)	6 (14.6)	3.90
Penggunaan bahasa adalah mudah untuk pemerolehan pengetahuan murid-murid	8 (19.5)	27 (65.9)	6 (14.6)	4.05

Min keseluruhan = 4.04

Pandangan guru pelatih terhadap aktiviti dan latihan buku teks BM KBSR

Aktiviti dan latihan ialah elemen atau komponen pentaksiran dalam buku teks bagi tujuan mengukuhkan penguasaan kandungan yang dipelajari. Dalam buku teks didapati bahawa halaman rumusan juga mengandungi aktiviti dan latihan yang merangkumi ulang kaji, pengukuhan, konsolidasi, pengayaan, refleksi, formatif dan atau sumatif untuk menilai HP. Skor min untuk komponen aktiviti dan latihan buku teks BM KBSR ialah 3.89. Ini menunjukkan guru pelatih bukan sepenuhnya bersetuju dengan aspek aktiviti dan latihan dalam buku teks secara amnya dan khususnya dari segi penyediaan aktiviti dan latihan yang merangsang dan mencabar ($M = 3.71$), penyediaan aktiviti yang menggalakkan penglibatan murid secara menyeluruh dan aktif ($M = 3.76$) serta menepati keperluan kumpulan sasaran ($M = 3.76$). Selain itu, guru pelatih juga berpendapat aktiviti dan latihan dalam buku teks kurang menarik dan kreatif ($M = 3.90$), kurang praktikal, logikal dan realistik ($M = 3.95$) serta kurang relevan dan dapat mengukur HP ($M = 3.85$). Tiada respons yang sangat tidak setuju terhadap penilaian aktiviti dan latihan dalam buku teks tersebut. Jadual 2 menunjukkan bilangan respons bagi setiap item. Peratusan respons bagi setiap item adalah dalam kurungan.

Jadual 2

Pandangan guru pelatih terhadap aktiviti dan latihan buku teks BM KBSR (N = 41)

Penilaian aktiviti dan latihan dalam buku teks BM KBSR	Sangat setuju	Setuju	Kurang setuju	Tidak setuju	Skor min (M)
Menarik dan kreatif	6 (14.6)	25 (61)	10 (24.4)	-	3.90
Pelbagai	8 (19.5)	25 (61)	8 (19.5)	-	4.00
Merangsang dan mencabar	2 (4.9)	25 (61)	14 (34.1)	-	3.71
Praktikal, logikal dan realistik	2 (4.9)	35 (85.4)	4 (9.8)	-	3.95

Relevan dan dapat mengukur HP	4 (9.8)	29 (70.7)	6 (14.6)	2 (4.9)	3.85
Mudah dan jelas	8 (19.5)	25 (61)	8 (19.5)	-	4.00
Betul dan tepat	6 (14.6)	31 (75.6)	4 (9.8)	-	4.05
Menggalakan penglibatan murid secara menyeluruh dan aktif	4 (9.8)	25 (61)	10 (24.4)	2 (4.9)	3.76
Menepati keperluan kumpulan sasaran	4 (9.8)	25 (61)	10 (24.4)	2 (4.9)	3.76

Min keseluruhan = 3.89

Pandangan guru pelatih terhadap persembahan buku teks BM KBSR

Persembahan buku teks ialah pengolahaan teks serta bahan grafik yang menarik dan mudah difahami dalam penyampaian kandungan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 8 item dikemukakan untuk mengukur komponen ini. Hasil kajian mendapati skor keseluruhannya ialah 3.87 dan skor min bagi setiap item untuk kesemua 8 item itu berada di bawah 4. Ini bermakna guru pelatih secara amnya kurang bersetuju dengan persembahan buku teks BM KBSR. Tiada respons yang tidak setuju atau sangat tidak setuju dalam penilaian aspek persembahan buku teks ini. Dapatan menunjukkan kelemahan persembahan yang ketara dari segi kesinambungan dan pertautan bahan serta pengolahaan bahan yang jelas dan sistematik. Jadual 3 menunjukkan bilangan respons bagi setiap item. Peratusan respons bagi setiap item adalah dalam kurungan.

Jadual 3

Pandangan guru pelatih terhadap persembahan buku teks BM KBSR (N=41)

Penilaian aspek persembahan buku teks BM KBSR	Sangat setuju	Setuju	Kurang setuju	Skor min (M)
Persembahan bahan mempunyai kesinambungan dan bertautan	3 (7.3)	26 (63.4)	12 (29.3)	3.78
Pengolahaan bahan teks jelas dan sistematik	4 (9.8)	25 (61)	12 (29.3)	3.80
Pengolahaan bahan grafik jelas dan sistematik	4 (9.8)	29 (70.7)	8 (19.5)	3.90
Pengolahaan bahan mudah difahami/diikuti dan mesra pengguna	4 (9.8)	27 (65.9)	10 (24.4)	3.85
Pengolahaan teks dan bahan grafik adalah bersepadu untuk penyampaian pengetahuan, kemahiran dan nilai	3 (7.3)	34 (82.9)	4 (9.8)	3.98

Pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran digunakan secara bersepadu dan fleksibel	4 (9.8)	31 (75.6)	6 (14.6)	3.95
Murid-murid berpeluang meningkatkan kemahiran secara berperingkat dan progresif	-	31 (75.6)	10 (24.4)	3.76
Reka bentuk buku tekal pada keseluruhan buku	4 (9.8)	29 (70.7)	8 (19.5)	3.90

Min keseluruhan = 3.87

Pandangan guru pelatih terhadap bahan grafik buku teks BM KBSR

Bahan grafik di dalam buku teks merangkumi bahan seperti gambar, foto, lakaran, ilustrasi, lukisan semi kartun, carta, rajah dan peta. Bahan grafik tersebut mempunyai fungsi untuk tujuan menyampaikan maklumat kandungan teks, membantu memahami teks, memperkukuhkan pemahaman teks, melengkapkan teks atau memberi maklumat tambahan. Skor keseluruhan bagi komponen ini ialah 3.97 iaitu satu skor yang hampir kepada bersetuju. Tiada respons yang tidak setuju atau sangat tidak setuju dalam penilaian aspek bahan grafik buku teks ini. Dapatan kajian menunjukkan skor yang memberangsangkan dari segi ketepatan bahan grafik, kesepaduan pengolahan antara teks dan bahan grafik serta kegunaan bahan grafik dalam buku teks dengan skor minnya masing-masing melebihi 4. Walau bagaimanapun terdapat kelemahan dari segi pengintergrasian unsur kecindan yang sesuai dengan kumpulan sasaran dalam buku teks ($M = 3.66$). Jadual 4 menunjukkan bilangan respons bagi setiap item. Peratusan respons bagi setiap item adalah dalam kurungan.

Jadual 4

Pandangan guru pelatih terhadap bahan grafik buku teks BM KBSR (N=41)

Penilaian bahan grafik buku teks BM KBSR	Sangat Setuju	Setuju	Kurang setuju	Skor min (M)
Bahan grafik pelbagai jenis, menarik dan lengkap	2 (4.9)	31 (75.6)	8 (19.5)	3.85
Bahan grafik mempunyai unsur kecindan dan sesuai dengan kumpulan sasaran	2 (4.9)	23 (56.1)	16 (39)	3.66
Bahan grafik mempunyai keseimbangan dalam warna, penggunaan ruang, perspektif, saiz, perkadaran dan penyusunan dengan isi kandungan	4 (9.8)	31 (75.6)	6 (14.6)	3.95

Bahan grafik tepat dengan kehendak kandungan, etika dan budaya masyarakat Malaysia	5 (12.2)	36 (87.8)	-	4.12
Berfokus kepada subjek yang disampaikan serta sesuai dari segi saiz dan reka letak	2 (4.9)	37 (90.2)	2 (4.9)	4.00
Bahan grafik dan pengolahan teks adalah bersepadu untuk penyampaian pengetahuan, kemahiran dan nilai	5 (12.2)	32 (78)	4 (9.8)	4.02
Bahan grafik berfungsi bagi tujuan tertentu	7 (17.1)	34 (82.9)	-	4.17

Min keseluruhan = 3.97

Berdasarkan dapatan kajian didapati bahawa terdapat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian agar pihak sekolah dan murid dapat memanfaatkan buku teks secara optimum di bawah Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) KPM. Komponen kandungan buku teks merupakan satu aspek yang amat penting kerana terdapat kajian yang menyatakan bahawa kandungan dalam buku teks merupakan panduan utama kepada guru tentang perkara yang hendak diajar di dalam kelas. Dalam konteks buku teks di Malaysia, kandungan buku teks dipersembahkan dalam unit. Halaman pertama merupakan rangsangan dalam setiap unit. Halaman ini mengandungi bahan atau situasi yang memperkenalkan unit seterusnya merangsang murid untuk berfikir dan berbincang mengenai tajuk yang akan dipelajari. HP bagi unit juga dinyatakan secara jelas di halaman ini. Halaman akhir setiap unit ialah halaman rumusan. Fenomena ini membawa erti bahawa buku teks berperanan penting bukan sahaja sebagai bahan pengajaran tetapi juga sebagai penentu utama pemilihan tajuk atau kemahiran yang hendak diajar. Aspek aktiviti dan latihan dalam buku teks juga perlu ditingkatkan agar guru tidak bergantung kepada penggunaan buku kerja atau sebagainya untuk tujuan ulang kaji dan memberi latihan. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa buku teks paling kurang digunakan oleh guru untuk memberi latihan kepada murid di dalam kelas. Hal ini mungkin kerana kelemahan yang terdapat dalam aktiviti dan latihan buku teks. Seterusnya aspek persembahan dan bahan grafik juga perlu dibaiki agar penggunaan buku teks benar-benar memenuhi hasrat SPBT, BBT, KPM (dipetik daripada Marohaini Yusoff, Abdul Murad Salleh & Sharir Jamaludin, 2005).

PENUTUP

Buku teks dapat membantu pencapaian objektif dalam pengajaran dan pembelajaran jika bahan yang terdapat di dalamnya sesuai dengan tahap dan keperluan murid. Bahan dalam kandungan buku teks merangkumi teks utama, latihan dan aktiviti. Guru boleh menggunakan bahan dalam kandungan supaya bersesuaian dengan kemampuan pelajar dengan cara

mengguna terus, diubah suai atau ditambah dengan bahan tambahan jika bahan yang ada tidak mencukupi bagi murid menguasai kemahiran.

Menurut Gopinathan (1983), buku teks ialah alat yang digunakan secara meluas di dalam kelas walaupun terdapat pelbagai alat bantu mengajar yang canggih dalam era teknologi maklumat pada masa kini. Buku teks ialah alat pembelajaran yang penting dan sukar diganti dengan bahan lain.

Buku teks memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Memang diakui bahawa walaupun telah wujud pelbagai bahan bantu mengajar yang lebih moden dan canggih pada zaman teknologi maklumat kini, namun peranan buku teks tidak boleh dikesampingkan begitu sahaja. Tambahan pula terdapat arahan KPM yang mewajibkan penggunaan buku teks sebagai sumber utama di dalam kelas. Terdapat juga banyak kajian yang menunjukkan adanya kesan positif antara penggunaan buku teks dengan pencapaian akademik murid. Pada persepsi guru pula, terdapat guru yang mengakui kepentingan buku teks sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya meliputi sampel yang terhad kepada guru pelatih KPLI Ambilan Januari 2008 di Institut Perguruan Kampus Batu Lintang sahaja, maka dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada semua guru pelatih dan guru terlatih di Malaysia.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Memandangkan peranan buku teks yang begitu penting dalam sistem pendidikan di negara kita maka adalah dicadangkan agar kajian yang lebih terperinci dapat dijalankan oleh pihak-pihak yang tertentu terutamanya BBT untuk melihat tahap kualiti buku teks tersebut. Kajian tersebut boleh melibatkan sampel daripada pelbagai pihak misalnya pihak guru, ibu bapa atau penjaga murid dan murid sendiri yang meliputi zon geografi yang lebih luas bagi menambah lagi kebolehpercayaan, kesahan dan akauntabiliti kajian. Kajian juga boleh dilakukan terhadap responden dari sekolah swasta dan membuat perbandingan tentang tahap maklum balas atau pandangan mereka masing-masing.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Mahamad. (2001). *Buku Teks dan Proses Penerbitan*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Kursus Penulisan Buku Teks Sekolah Menengah, Hotel Grand Continental, Kuching 2-5 Julai, 2001.
- Bahagian Buku Teks, Jabatan Sekolah. (2008). Laman Web Rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia. (On-line). Diakses pada 17 September 2009 dari <http://www.gov.my>.
- Buku Teks (2010). Laman Web Rasmi Kementerian Pelajaran Malaysia. (On-line). Diakses pada 25 Januari 2010 dari <http://www.moe.my/bbt/pengenalanbt.pdf>.
- Grant, N. (1994). *Making the Most of Your Textbook*. England: Longman.
- Marohaini Yusoff, Abdul Murad Salleh & Sharir Jamaludin. (2005). *Penggunaan Buku Teks dalam Kalangan Guru dan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Kuantitatif*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan, Maktab Perguruan Batu Lintang, 15-16 September, 2005.
- Noraza Ahmad Zabidi & Fauziah Ahmad. (1999). Pandangan Guru Pelatih terhadap Buku Teks KBSM (Bahasa Inggeris). *Jurnal Dewan Bahasa*, 38:8,725-731.
- Ruhaya Hassan. (2001). *Penilaian Buku Teks*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Kursus Penulisan Buku Teks Sekolah Menengah, Hotel Grand Continental, Kuching, 2-5 Julai, 2001.
- Tay, M. G. (2000). Pandangan Guru Pelatih terhadap Peranan Buku Teks dalam Pendidikan Bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44:11, 1178-1185.